

Konsep Kesiediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes
Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia
(*Entrepreneurship Readiness Concept Based on Case Study of
Small Medium Industry (SMI) Entrepreneurs in Malaysia*)

NORASHIDAH HASHIM
NORASMAH OTHMAN
NORAISHAH BUANG

ABSTRAK

Kajian ini meneroka konsep kesiediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes pengalaman laluan kerjaya enam orang usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) pelbagai industri dalam konteks Malaysia. Data daripada temu bual tentang pengalaman usahawan tersebut mendedahkan konsep kesiediaan keusahawanan yang terdiri daripada dua kategori utama iaitu kemahuan dan kebolehan. Elemen kemahuan dibahagikan kepada kesiediaan sikap, kekuatan kerohanian dan kesiediaan pembelajaran. Manakala kategori kebolehan terdiri daripada kesiediaan aspek pemikiran keusahawanan, vokasional keusahawanan dan pengetahuan keusahawanan. Taksonomi kesiediaan keusahawanan daripada pelbagai dimensi ini dapat digunakan untuk mengenal pasti elemen kesiediaan yang wujud pada seseorang bagi dalam usaha menyediakan mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan.

Kata kunci: *Kesiediaan keusahawanan; pendidikan keusahawanan; industri kecil dan sederhana; kemahuan; kebolehan*

ABSTRACT

This research explored the conceptual definition of entrepreneurial readiness based on case study of six Small Medium Industri (SMI) entrepreneurs in various industries career path experience in Malaysian context. The result of data collected from interviews showed that the conceptual definition of entrepreneurial readiness consists of two major categories: willingness and ability. The elements of entrepreneurial willingness are attitude, spiritual strength and willingness to learn. The elements of entrepreneurial readiness are entrepreneurial thinking, entrepreneur vocational skill and entrepreneurial knowledge. This multi dimension entrepreneurial readiness taxonomy can be used to assist to identify the readiness elements of an individual in order to prepare them for career as entrepreneurs.

Key words: *Entrepreneurial readiness; entrepreneurship education; small-medium industry; willingness; ability*

PENGENALAN

Bidang keusahawanan telah lama bertapak di Malaysia sejak bermulanya aktiviti perdagangan menggunakan sistem barter. Kegiatan ekonomi ini terus dipelopori sebagai aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sehingga berkembang kepada perdagangan antarabangsa iaitu kedatangan pedagang asing dan perdagangan negara luar pada Zaman Kerajaan Melayu Melaka (Nor Aishah 2002; Shukor 2003; Zafir & Fazilah 2003). Sejarah menunjukkan bahawa wujud golongan pedagang dalam masyarakat Melayu. Kemasyhuran Melaka sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa digambarkan dalam catatan sejarah. Bagaimanapun keadaan ini tidak kekal kerana kedatangan penjajah daripada Barat yang telah memusnahkan kebebasan dan kemakmuran yang dikecapi oleh masyarakat yang dijajah termasuk negeri-negeri di Tanah Melayu. Sejarah turut menunjukkan bahawa penjajahan Inggeris adalah berasaskan kepada perdagangan dan juga bagi menguasai sumber bahan mentah di tanah jajahannya. Malahan, penjajah Inggeris bukan setakat mengambil sumber ekonomi, tetapi turut menyebarkan cara hidup dan budaya mereka yang dianggap lebih baik dan bertamaddun ke atas masyarakat jajahannya termasuk masyarakat Melayu. Justeru, penjajahan sejak tahun 1511 hingga 1957 telah menghakis budaya keusahawanan dengan mengekang perkembangan aktiviti perdagangan dalam masyarakat Melayu. Pelaksanaan dasar “pecah dan perintah” oleh penjajah Inggeris telah menempatkan masyarakat Melayu sebagai golongan kurang produktif secara ekonominya (Shukor 2003). Namun kemerdekaan negara telah membangkitkan semula kesedaran terhadap kepentingan aktiviti keusahawanan dan kesannya kepada ekonomi dan sosial negara. Justeru, beberapa dasar kerajaan yang memberikan penekanan terhadap bidang keusahawanan telah digubal dengan strategi untuk memajukan sektor ekonomi dan sosial terutama golongan Bumiputera.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan pada tahun 1971 hingga tahun 1990. Dasar ini menggunakan strategi serampang dua mata bagi mencapai matlamat untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat majmuk di Malaysia. Di antara strategi dalam menyusun semula masyarakat ialah pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) supaya masyarakat Bumiputera mampu melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden. Bagaimanapun, matlamat untuk mewujudkan kelompok MPPB masih jauh dari sasaran (Malaysia 2001). Justeru, strategi ini telah diteruskan dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN) (1991-2000) dan juga Dasar Wawasan Negara (1991-2020). Menurut Laporan Rancangan Malaysia ke-8, pegangan ekuiti oleh golongan Bumiputera masih berada di bawah paras 30 peratus yang menjadi sasaran dalam DEB.

Pencapaian RMK-8 menunjukkan bahawa kemajuan MPPB masih belum dapat dibanggakan. Ini dapat dilihat dalam Jadual 1 yang menunjukkan bahawa peratus pencapaian hak milik ekuiti Bumiputera masih tidak banyak berubah iaitu dalam

JADUAL 1. Pemilikan modal saham (*pada paras nilai par*) bagi Syarikat Bhd. 2000 dan 2004

Kumpulan Pemilikan	2000 (RM juta)	%	2004 (RM juta)	%	Purata kadar pertumbuhan tahunan (%) 2001-2002
Bumiputera	62,976.0	18.9	100,037.2	18.7	12.3
Bukan Bumiputera	137,412.8	41.3	214,972.8	40.6	11.8
<i>Cina</i>	<i>129,318.3</i>	<i>38.9</i>	<i>206,682.9</i>	<i>39.0</i>	<i>12.4</i>
<i>India</i>	<i>5,136.0</i>	<i>1.5</i>	<i>6,392.6</i>	<i>1.2</i>	<i>5.6</i>
<i>Lain-lain</i>	<i>2,957.7</i>	<i>0.9</i>	<i>1,897.3</i>	<i>0.4</i>	<i>-10.5</i>
Bangsa Asing	103,909.4	31.3	172,279.6	32.5	13.5
Syarikat Penama	28,119.4	8.5	42,479.1	8.0	10.9
Jumlah	332,417.6	100.0	529,768.7	100.0	12.4

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

sekitar 18.7 peratus malahan ia merosot berbanding pencapaian pada tahun 1990 iaitu di sekitar 20.3 peratus (Malaysia 2006). Ini menunjukkan pencapaian yang masih jauh tersasar daripada matlamat iaitu 30 peratus. Penurunan pegangan ekuiti Bumiputera tersebut adalah merupakan sebahagian kesan daripada kemelesetan ekonomi (Malaysia 2004a). Keadaan ini jauh berbeza dengan pencapaian kaum Cina yang meningkat sehingga 40.6 peratus pemilikan ekuiti dalam tahun 2002 (Malaysia 2004a) dan jatuh kepada 39.0 pada tahun 2004 (Malaysia 2006). Hal ini wujud kerana asas perniagaan mereka yang lebih kuat bagi menghadapi persekitaran perniagaan yang tidak menentu dan juga berpengalaman lebih luas. Mereka juga mempunyai jaringan perniagaan yang mantap dalam merebut peluang dan membentuk pelaburan yang lebih strategik berbanding usahawan Bumiputera (Malaysia 2004b).

Walaupun kerajaan telah mencurahkan pelbagai bantuan dan sokongan bagi mewujudkan MPPB, namun usaha ini belum membuahkan hasil yang diharapkan. Kemungkinan wujud kepincangan dalam pelaksanaan atau sokongan dan bantuan tidak menepati golongan sasaran telah menjadi laungan politik bagi sesetengah golongan. Di antara kumpulan sasaran bagi dasar ini ialah pelajar sekolah, mahasiswa dan belia (Mohd Salleh et al. 2005). Mereka harus dipupuk kembali dengan budaya keusahawanan yang telah hampir pupus pada zaman awal kemerdekaan. Usaha ini telah dilakukan secara tersusun dan sistematik. Salah satu cara ialah melalui pendidikan keusahawanan.

Usaha bagi mewujudkan generasi kedua MPPB dan juga masyarakat Malaysia berbudaya keusahawanan dalam menghadapi persaingan globalisasi diteruskan dalam RMK-9. Dasar ini memfokus kepada pembangunan modal insan berkualiti sebagai elemen kritikal dan teras kepada pembangunan negara. Pembangunan modal insan ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi pemerolehan

pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek sains dan teknologi termasuk keupayaan keusahawanan. Dasar ini dilaksanakan melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang menjadi salah satu fokus dalam RMK-9 (Malaysia 2006). Justeru, pendidikan di peringkat tertiar, khususnya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu diberikan perhatian bagi menjana modal insan yang memenuhi wawasan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001). Keadaan ini memerlukan satu penelitian mendalam terhadap konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan latar belakang budaya terutama masyarakat Bumiputera melalui pendidikan dan latihan yang disediakan.

Kajian yang dilakukan menggunakan kerangka berasaskan kepada teori tindakan bertujuan, teori tingkah laku terancang, dapatan kajian-kajian lepas dan seterusnya mengadaptasi Model Integratif Keusahawanan Input dan Keluaran sebagai kerangka kajian.

TEORI TINDAKAN BERTUJUAN (THEORY OF REASONED ACTION-TORA)

Pemahaman tentang kesediaan keusahawanan diri seseorang diterangkan mengikut teori tindakan bertujuan dan teori tingkah laku terancang Fishben dan Ajzen (1980). Mereka memulakan teori dengan premis bahawa sikap terhadap tingkah laku bermula dengan kepercayaan tentang kesan tingkah laku tersebut. Oleh demikian, sikap merupakan penentu kepada sesuatu bentuk tingkah laku. Secara tradisional, pengukuran sikap dapat diukur daripada sikap seseorang terhadap sesuatu objek atau peristiwa. Contohnya “sikap terhadap keusahawanan”. Mereka memfokuskan tentang sikap terhadap tingkah laku yang boleh dijangkakan seperti “mendaftarkan diri dengan subjek yang berkaitan dengan keusahawanan”. Namun, menurut ahli psikologis, satu cara yang paling mudah untuk mengetahui sama ada seseorang mahu melakukan sesuatu ialah dengan bertanya hasrat atau keinginannya. Bagaimanapun, tidak semua hasrat atau niat dapat ditunaikan. Korelasi antara tingkah laku sebenar dengan hasrat bergantung kepada faktor-faktor tertentu seperti sejauh mana khususnya niat tersebut, jangka waktu antara niat dengan tindakan tersebut dan kebolehan individu melakukan apa yang ingin dilakukannya. Ajzen dan Fishbein (1980) memutuskan bahawa sikap dan tingkah laku mengandungi empat elemen iaitu: tindakan yang khusus, sasaran sesuatu tindakan tersebut dilakukan, konteks di mana tindakan tersebut dilakukan, dan waktu tindakan tersebut dilakukan.

Teori ini adalah berdasarkan andaian bahawa sikap seseorang akan terbentuk daripada kepercayaan tentang ciri-ciri dan tanggapannya terhadap ciri tersebut. Teori ini mengandungi beberapa pemboleh ubah. Pemboleh ubah tersebut adalah keazaman atau kemahuan tingkah laku, niat untuk melakukan tingkah laku tersebut, sikap terhadap tingkah laku tersebut, nilai kepercayaan seseorang terhadap tanggapan orang lain terhadap apa yang perlu dilakukannya dan dorongan untuk memenuhi jangkaan orang lain. Kesan kepada tingkah laku ini mungkin bersifat utilitarian, iaitu pengalaman terhadap ganjaran dan dendaan, atau bersifat nomatif iaitu persepsi orang lain bagi membenarkan tingkah laku ataupun tidak.

TEORI TINGKAH LAKU TERANCANG (THEORY OF PLANNED BEHAVIOR)

Teori Tingkah Laku Terancang adalah urutan kepada TORA, iaitu mengambil kira kawalan ke atas tingkah laku yang dilihat. Menurut teori ini, seseorang hanya akan melaksanakan niatnya apabila dia merasakan mampu mengawal pelaksanaan tindakan tersebut. Kawalan yang dirasakannya itu adalah pelbagai mengikut persepsi kesukaran melakukan tingkah laku tersebut. Persepsi ini adalah berdasarkan refleksi pengalaman seseorang dan juga halangan atau rintangan bagi melakukan tingkah laku tersebut. Ajzen (1980) menyimpulkan bahawa, kepentingan kawalan yang dirasakan (*perceived control*) dalam menentukan hubungan antara sikap dan tingkah laku telah dibuktikan dalam beberapa kajian empirikal. Kajian ini menyokong hipotesis iaitu, mereka yang mempunyai kawalan yang tinggi akan mempunyai niat yang kuat untuk melakukan tingkah laku tertentu dan akan melakukannya apabila keadaan dirasakan sesuai.

Kedua-dua teori ini mengandaikan tingkah laku adalah hasil daripada keputusan yang disadari untuk bertindak mengikut pelakuan tertentu. Sebagai contoh, apabila seseorang perlu membuat pilihan antara dua bentuk perlakuan, maka beliau akan memproses maklumat tentang perlakuan tersebut. Beliau akan mengambil kira ciri objek atau situasi, sikap yang sesuai dengan pelakuan tersebut dan keburukan serta kebaikan atas pelakuan tersebut. Semuanya akan diproses secara kognitif. Namun, terdapat juga tingkah laku yang dilakukan secara spontan. Keadaan ini berlaku apabila motivasi dan tahap kesedaran adalah rendah.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian dalam bidang keusahawanan tetapi memfokus kepada proses mengenal peluang, pengurusan sumber, sikap usahawan, ketidakpastian dalam persekitaran dan sebagainya. Sementara kajian secara mendalam tentang aspek kemanusiaan dalam pembangunan usaha teroka, terutamanya perniagaan kecil dan sederhana agak kurang dilakukan. Di antara kajian kes yang diterbitkan ialah kajian kes terhadap 60 orang usahawan di Eropah dan juga Amerika Syarikat yang meneroka tentang peluang usaha teroka, sifat semula jadi, aspek kemanusiaan, dan kejayaan mereka dalam pelbagai peringkat kitaran hidup perniagaan (Nandram & Samson 2006). Kajian kualitatif ini berbentuk penerokaan untuk membongkar dan mendokumentasikan keusahawanan daripada aspek tingkah laku. Hjorth dan Steyaert (2004) mengumpulkan beberapa kajian yang meneroka dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian terhadap usahawan dalam pelbagai bidang. Mereka menggunakan pendekatan naratif dalam melaporkan 9 dapatan kajian oleh pengkaji yang berlainan (Hjorth & Steyaert 2004). Namun kajian kes secara terperinci agak kurang dilaporkan di Malaysia. Kebanyakannya adalah laporan tentang kejayaan dan biodata usahawan menerusi media massa. Kajian dalam bidang keusahawanan kebanyakannya menggunakan pendekatan kuantitatif dan memfokus terhadap

sesuatu bidang seperti pendidikan keusahawanan (Norasmah 2002; Nor Aishah et al. 2005; Norasmah et al. 2006) atau aspek pengurusan kefungsiian dalam pemiagaan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian bertujuan untuk menjawab persoalan mengapa dan bagaimana usahawan boleh dan mampu berjaya dalam kerjaya pilihannya sebagai usahawan. Dengan ini, adalah diharap maklumat tersebut dapat membantu pihak yang berkepentingan dalam pembangunan dan pendidikan keusahawanan bagi menyediakan program yang lebih berkesan. Kajian ini juga meneroka laluan kerjaya usahawan IKS bagi menyelami permasalahan ini dengan lebih mendalam lagi dan menjawab persoalan yang timbul.


KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini adalah untuk meneroka konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan konteks masyarakat di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kerana pengkaji dapat memahami sesuatu fenomena tentang proses pembangunan seorang usahawan dalam konteks semula jadi (Wiersma 2005). Kajian kes dapat menjawab persoalan kajian tentang “mengapa dan bagaimana” (Yin 1994). Secara khususnya mengapa seseorang itu terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan bagaimana beliau memulakan penglibatannya. Dalam kajian ini terdapat enam unit analisis yang terdiri daripada usahawan IKS. Kajian ini adalah untuk mendapatkan konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan pengalaman sebenar laluan kerjaya usahawan.

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan temu bual separuh berstruktur kerana pengkaji mempunyai maklumat tentang isu yang dikaji berdasarkan tinjauan literatur (Cavana et al. 2001). Kaedah ini membolehkan pengkaji berinteraksi dengan subjek kajian (Wiersma 2005). Sebelum mengadakan temu bual ini, pengkaji telah membuat perancangan awal bagi menguruskan sesi temu bual menggunakan pendekatan logik. Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang terdiri daripada 6 langkah utama secara berurutan kecuali bagi langkah kelima dan keenam yang diulang bagi setiap peserta temu bual.


Semua data yang dikumpul semasa sesi temu bual. Sampel kajian dipilih secara bertujuan dengan pemilihan peserta secara tipikal iaitu pengkaji menentukan spesifikasi responden yang tipikal (Cavana et al. 2001). Usahawan IKS yang dipilih menjadi peserta temu bual telah terlibat dalam perniagaan lebih daripada lima tahun. Mereka telah melalui proses menjadi usahawan dan mengalaminya sendiri. Justeru mereka ini dianggap sebagai pakar dan dijangka dapat memberikan pengetahuan dan mampu memberikan maklumat yang diperlukan. Pengalaman lebih 5 tahun beroperasi menunjukkan bahawa mereka

telah melalui waktu kritikal iaitu peringkat permulaan usaha teroka (Kuratko & Hodgetts 2004). Peserta kajian mempunyai latar belakang siswazah dan juga bukan siswazah bagi melihat perbezaan jika wujud (Cresswell & Clark 2007).



RAJAH 1. Kerangka kajian

Protokol temu bual telah dibina berdasarkan model integratif keusahawanan input dan keluaran (Morris et al. 1997). Model ini mengandungi konsep komponen input, proses keusahawanan dan keluaran sebagai hasil daripada proses keusahawanan yang dilalui oleh usahawan (Sila Rujuk Rajah 2). Protokol ini telah dirujuk kepada pakar dalam kajian kualitatif dan dijalankan kajian rintis dan dilakukan penambahbaikan sebelum sesi temu bual sebenar dijalankan. Langkah ini dilakukan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap protokol temu bual tersebut.



RAJAH 2. Model integratif keusahawanan input dan keluaran

Sumber: Morris et al. 1997

Temu bual telah dijalankan selama sejam setengah sehingga dua jam bagi setiap peserta. Catatan lapangan juga telah dibuat semasa temu bual. Rakaman tersebut telah ditranskrip dan pengkaji menggunakan perisian Nvivo 7 dalam membantu membuat proses koding bagi tema-tema. Penganalisan data adalah menggunakan cara “*pattern matching*” iaitu berdasarkan tema daripada model integratif keusahawanan input dan keluaran (Morris et al. 1997). Pengkaji juga membebaskan diri dan tidak terikat dengan tema sedia ada bagi mengenal pasti tema baru yang muncul (Miles & Huberman 1984) Penganalisan data dilakukan selepas setiap sesi temu bual dilakukan. Pengkaji bukan sahaja mengenal pasti corak tema yang muncul tetapi membuat perbandingan secara berterusan antara satu dapatan temu bual dengan yang berikutnya. Langkah ini juga dikenali sebagai kaedah perbandingan berterusan. Temu bual ditamatkan setelah data didapati telah tepu, iaitu apabila tiada tema baru yang muncul (Strauss & Corbin 1998). Pengkaji meneliti sebab dan akibat, keadaan dan interaksi, strategi dan proses yang terdapat dalam keseluruhan data. Tema-tema perkaitan dikumpulkan bersama Seterusnya pengkaji memaparkan tema dan kategori tersebut bagi mendapatkan gambaran keseluruhan interaksi antara tema-tema.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Protokol temu bual yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini mengandungi 13 soalan. Jadual 2 menunjukkan soalan dan ringkasan tema daripada temu bual. Soalan pertama merupakan soalan pembukaan bagi membina hubungan dengan peserta. Dapatan menunjukkan bahawa hampir semua peserta mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan kecuali seorang peserta. Semua peserta mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam perniagaan yang diperolehi sama ada secara formal atau melalui pengalaman bekerja sebelum menjadi usahawan. Soalan ini juga adalah tentang latar belakang perniagaan. Dua orang peserta terlibat dalam perniagaan yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan. Manakala yang lain terlibat dalam perniagaan berasaskan pengalaman bekerja, minat atau tanpa dirancang. Soalan kedua adalah berkaitan dengan pengalaman kerjaya dan penglibatan dengan perniagaan. Kebanyakan peserta menceritakan tentang pengalaman mereka menjadi usahawan. Soalan ini berjaya menjawab soalan mengapa dan bagaimana mereka melibatkan diri dalam bidang ini secara terperinci apa bila peserta-peserta menceritakan tentang pengalaman masing-masing. Soalan ketiga adalah berkaitan dengan pembelajaran. Semua peserta menunjukkan semangat yang bersungguh-sungguh untuk belajar bagi memajukan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang dapat membantu perniagaan yang diceburi. Soalan keempat pula adalah berkenaan dengan perediaan untuk memulakan perniagaan seperti langkah menyediakan rancangan perniagaan yang terperinci. Hampir semua peserta tidak mempunyai satu rancangan perniagaan yang terperinci, tetapi

mereka menyediakannya apabila dihendaki oleh pihak institusi kewangan. Tiga orang peserta telah merancang daripada awal penubuhan untuk menembusi pasaran luar negara kerana mendapati pasaran domestik agak terhad. Semua usahawan yang ditemu bual memulakan perniagaan dengan sumber kewangan sendiri dan mendapatkan bantuan apa bila membesarkan perniagaan. Soalan kelima ini dapat mengungkit peristiwa pahit semasa proses mendapatkan pinjaman. Ada peserta membongkar kegiatan tidak beretika sesetengah pihak dan juga sikap berat sebelah dalam memberikan pinjaman kerana mereka adalah golongan usahawan bumiputera.

Soalan keenam adalah berkenaan dengan jaringan kerja keusahawanan. Peserta mendapati bahawa jaringan kerja adalah sangat penting terutama apabila perlu berurusan dengan pihak agensi kerajaan. Mereka mempunyai kemahiran berkomunikasi dan kebolehan untuk mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perniagaan. Tentang soalan ketujuh, seorang peserta mengambil sikap yang positif apabila menganggap segala pengalaman adalah berharga walaupun beliau menghadapi pelbagai rintangan. Ini adalah disebabkan oleh kepercayaan beliau yang kuat terhadap ketentuan Tuhan dan mengambil sikap untuk redha atas segala yang berlaku. Semua peserta mengalami keadaan yang mencabar terutama di peringkat awal perniagaan. Semua mereka berjaya menangani masalah dan keadaan bagi penerusan perniagaan. Daripada pengalaman yang dikongsi bersama, mereka menunjukkan sikap keusahawanan seperti pengambilan risiko, toleransi terhadap kekaburan, kreatif, inovatif, keperluan terhadap pencapaian, harga diri dan kawalan diri. Daripada temu bual ini didapati bahawa mereka mempunyai kekuatan kerohanian daripada sudut keagamaan. Hal ini adalah berkaitan dengan budaya dan kepercayaan.

Soalan kesembilan sering digabungkan sekali dengan jawapan kepada soalan sebelumnya. Soalan kesepuluh memaparkan tentang sikap seperti jujur, syukur, amanah, bertanggungjawab, taat kepada perintah Allah dan jawapan seperti soalan kelapan. Apabila ditanya tentang halangan yang mungkin dihadapi oleh golongan siswazah untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan, seorang peserta menceritakan pengalaman mengambil graduan sebagai rakan kongsi. Beliau mendapati bahawa graduan tersebut mempunyai mentaliti untuk bekerja makan gaji. Soalan 12 dan 13 adalah tentang peranan IPT dan pensyarah khususnya. Peserta mencadangkan agar IPT menyediakan satu suasana persekitaran yang baik, sokongan kewangan, program keusahawanan, pensyarah mampu berperanan sebagai mentor dan pakar perunding. Mereka mencadangkan agar IPT mendapatkan khidmat tenaga pengajar dari kalangan usahawan sebenar. Semua menunjukkan kemahuan untuk berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dengan pihak IPT. Mereka mencadangkan agar pensyarah juga diberikan peluang untuk mendapatkan pengalaman sebenar sebagai usahawan agar pengajaran menjadi lebih berkesan.

JADUAL 2. Ringkasan protokol temu bual dan tema

Bil.	Soalan	Ringkasan tema
1.	Bolehkah tuan huraikan secara ringkas tentang perniagaan yang tuan jalankan sekarang? Apakah keunikan perniagaan ini?	Pengaruh latar belakang keluarga, pengetahuan, kemahiran yang diperolehi daripada pendidikan formal atau tidak formal dan pengalaman
2.	Bolehkah tuan ceritakan pengalaman kerjaya dan penglibatan dalam bidang keusahawanan? a. Apakah faktor dorongan? b. Apakah peranan sebenar usahawan kepada negara?	Jenis perniagaan yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan atau pengalaman kerja - takdir, kemahuan, minat, idea - menyumbangkan kembali kepada masyarakat dalam bentuk cukai, zakat, berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman
3.	Bagaimana tuan mempelajari selok-belok perniagaan sehingga berjaya seperti hari ini?	Belajar daripada pengalaman, kemahuan yang kuat untuk belajar dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, secara formal.
4.	Bagaimana tuan membuat perancangan perniagaan sebelum memulakan perniagaan?	Secara tidak berstruktur bergantung kepada keperluan dan saiz perniagaan. Secara dokumentasi apabila diperlukan
5.	Bagaimana tuan mendapat sumber kewangan untuk membiayai perniagaan tuan dan bagaimana menguruskan sumber-sumber lain?	Memulakan perniagaan dengan sumber kewangan sendiri. Membuat pinjaman apabila membesarkan perniagaan. Mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman sama ada dari agensi kerajaan atau bank perdagangan
6.	Bagaimana tuan menjalin dan mengekalkan hubungan dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perniagaan seperti klien, pembekal, pemodal dan lain-lain?	Sangat penting terutama apabila perlu berurusan dengan pihak agensi kerajaan. Perlu kemahiran berkomunikasi dan kemahiran pengurusan jaringan kerja
7.	Selain daripada pengalaman yang tuan telah ceritakan sebentar tadi, bolehkah tuan berkongsi pengalaman pahit dan manis yang tuan telah lalui terutama pada peringkat permulaan perniagaan?	Pelbagai Pengalaman manis – kejayaan Pengalaman pahit – awal penubuhan, mendapatkan bantuan kewangan, pemasaran, menghadapi krisis ekonomi

Bersambung

JADUAL 2. (Samb)

Bil.	Soalan	Ringkasan tema
8.	Boleh tuan ceritakan tentang pertumbuhan perniagaan tuan dan bagaimana tuan menghadapinya?	Menghadapi kesukaran pada peringkat awal penubuhan, memerlukan sikap keusahawanan seperti mahu mengambil risiko, inginkan kejayaan, harga diri, boleh mengawal dirim kreatif, mahu bekerja kuat, mampu bertahan dan bangun semula jika jatuh. Menggunakan intuisi dalam membuat keputusan, ada pasukan kerja, gaya pengurusan keusahawanan
9.	Pada pandangan tuan sebagai usahawan, apakah ciri-ciri personaliti yang perlu ada dalam diri seseorang untuk berjaya dalam bidang keusahawanan?	Daripada pengalaman dan latar belakang
10.	Bagaimana membentuknya dalam diri seseorang ciri-ciri daya saing, daya maju, berdikari?	Tidak berminat, tidak mahu mengambil risiko, mentaliti ingin bekerja makan gaji, ingin bekerja dulu, tak yakin
11.	Pada pandangan tuan, apakah halangan-halangan yang menyebabkan golongan bumiputera terutama siswazah kurang menyertai bidang keusahawanan?	Menyediakan persekitaran yang baik, sokongan kewangan, program keusahawanan, melibatkan usahawan sebenar
12.	Pada pandangan tuan sejauh mana IPT dapat membantu pembentukan ciri-ciri, kemahiran dan pengetahuan tersebut dalam diri bakal usahawan?	Ya. Mendapatkan pengalaman sebenar, dan pengajaran lebih berkesan.
13.	Pada pandangan tuan, perlukah seseorang pensyarah terlibat secara peribadi dalam bidang keusahawanan? Mengapa?	

Daripada perbandingan berterusan antara satu kes dengan kes yang berikutnya didapati bahawa, wujud corak yang sama dalam jawapan temu bual walaupun dalam konteks dan latar belakang yang berbeza. Daripada pengalaman laluan kerjaya dan pengalaman usahawan-usahawan ini, menunjukkan mereka dipengaruhi oleh latar belakang keluarga untuk terlibat dalam perniagaan. Mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan yang didapati daripada pengalaman kerja dan juga pengalaman sendiri semasa kecil. Mereka mempunyai sikap keusahawanan yang hampir sama, kemahuan untuk belajar yang tinggi, dan juga kekuatan pegangan agama atau kerohanian. Oleh itu, mereka mempunyai kesedaran terhadap nilai-nilai etika perniagaan. Daripada temu bual ini, pengkaji mendapati peserta mempunyai kemahiran keusahawanan iaitu kebolehan dalam bidang masing-masing, menguruskan perniagaan dan juga sumber yang dimiliki. Mereka berkebolehan mengenal pasti peluang dalam


persekitaran, menjana idea kreatif dan inovatif ketika menghadapi persaingan. Semua elemen ini dapat dikategorikan mengikut tema dan subtema tertentu yang diringkaskan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Tema dan subtema

Tema	Subtema
Sikap	Keperluan pencapaian, inovatif, kawalan diri, pengambilan risiko, toleransi terhadap kekaburan, harga diri.
Kemahuan pembelajaran	Kemahuan yang tinggi untuk belajar dan memajukan diri
Kekuatan kerohanian	Jujur, bersyukur, bertanggungjawab, taat perintah Allah, 9/10 rezeki dalam perniagaan, redha, berusaha untuk kejayaan
Kemahiran vokasional keusahawanan	Kemahiran dalam bidang masing-masing, menguruskan perniagaan, mengatur sumber
Pemikiran keusahawanan	Menilai persekitaran, menjana idea, kreatif, merebut peluang
Pengetahuan keusahawanan	Pengurusan perniagaan, pengurusan aliran tunai, jaringan kerja, etika dan tanggungjawab masyarakat, pertumbuhan perniagaan

Dapatan dalam Jadual 3 di atas dapat diringkaskan dalam bentuk taksonomi seperti yang diilustrasikan dalam Rajah 2. Berdasarkan kajian kes usahawan IKS yang telah dibincangkan dan juga definisi kesediaan menurut kajian literatur, konsep kesediaan dapat diringkaskan kepada; (1) keadaan individu berkemahiran; (2) berkebolehan untuk melakukan sesuatu tanpa usaha yang ketara (3) menunjukkan kemahuan atau kesanggupan untuk melakukan sesuatu; (4) keadaan yang telah disediakan sebelumnya. Seterusnya, apabila dirujuk kepada domain kognitif, definisi pertama dan kedua dapat dikategorikan sebagai kebolehan. Manakala definisi ketiga bersifat non kognitif dan definisi keempat menunjukkan kesediaan persekitaran. Hal ini juga dapat disokong oleh teori tindakan bertujuan (TORA) dan juga teori gelagat terancang (Ajzen & Fishbein 1980).

Kategori kesediaan sikap disokong oleh model prestasi Bird (1989) merujuk elemen motivasi sebagai pendorong pencapaian, keperluan kawalan, pengambilan risiko. Secara umumnya, pendekatan keusahawanan secara mikro mengambil kira elemen sikap atau tret sebagai pendekatan bagi mengenal pasti individu yang mempunyai kecenderungan keusahawanan (Bygrave & Zacharakis 2004; Kuratko & Hodgetts 2004; Stokes & Wilson 2006). Kategori kesediaan pembelajaran diterangkan menurut bidang sosial dan psikologikal



RAJAH 3. Taksonomi kesiediaan keusahawanan

Sumber: Norashidah et al. 2008

iaitu daripada aspek nilai. Nilai bermaksud kepentingan, utiliti, atau harga/nilai atas sesuatu aktiviti atau objek (Aiken 2002) yang merupakan matlamat yang ingin dicapai. Kesiediaan kemahuan pembelajaran usahawan ini dipengaruhi oleh nilai utiliti kemahiran dan pengetahuan yang dicari yang mendorong mereka untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang dianggap berguna kepada diri dan perniagaan mereka. Dengan penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan maka keyakinan dan efikasi sendiri akan meningkat dan seterusnya menyebabkan mereka bersedia untuk melakukan sesuatu (Bandura 1994). Pembelajaran keusahawanan ini dapat dijadikan panduan dalam program pendidikan dan latihan keusahawanan sama ada di IPT atau untuk membangunkan golongan usahawan (Lobler 2006). Pembelajaran keusahawanan bersifat pembelajaran secara *hands on* iaitu praktikal dan memerlukan pengalaman sebenar. Usahawan belajar secara berkesan dan memperolehi kompetensi tertentu melalui pengalaman dalam menyelesaikan masalah dalam keadaan sebenar dan semasa (Gibb 1996). Oleh itu, pendidikan keusahawanan seharusnya mengambil kira faktor konteks, iaitu persekitaran sebenar usahawan.

Kajian ini mendapati bahawa kemahuan usahawan IKS untuk menceburi bidang keusahawanan dipengaruhi oleh elemen kerohanian yang berkaitan keusahawanan. Ini ialah berkaitan dengan kepercayaan dan latar belakang budaya iaitu pegangan agama dan nilai. Contohnya, menurut pandangan Islam, aktiviti keusahawanan adalah termasuk dalam bidang muamalah yang merupakan sebahagian daripada ibadah iaitu tuntutan fardu kifayah dan menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi (Adnan & Mohamad 2002; Nik Mohamed 2002; Syed Mohd Ghazali Wafa et al. 2003). Hal ini selaras dengan keperluan terhadap pegangan nilai kerohanian sejagat dalam pembangunan insan yang disokong oleh Ary (2005) melalui pendekatan kecerdasan spiritual dan juga oleh Covey (2002) dengan konsep *self-transcendence*. Dapatan ini turut disokong oleh Rusinah dan Maimunah (1998) yang menunjukkan usahawan

wanita berpegang kepada sistem nilai yang antara kategorinya ialah nilai keagamaan dan nilai kerohanian semula jadi.

Kajian ini seterusnya mendapati bahawa usahawan yang ditemu bual mempunyai kebolehan pemikiran keusahawanan iaitu kebolehan menganalisis persekitaran, menjana idea, berfikiran kreatif dan mempunyai kepekaan pasaran. Seseorang usahawan itu perlu mempunyai kemahuan dan melihat peluang (kebolehan dan modal) untuk menceburi kerjaya ini (Pragg & Ophem 1995). Menurut merujuk kepada satu keadaan ekonomi yang dinamik yang disebabkan oleh perubahan dalam inovasi dan keusahawanan. Ini menunjukkan kebolehan usahawan dalam menggunakan pemikiran keusahawanan bagi melakukan perubahan dalam kehidupan pengguna dengan penciptaan barang dan perkhidmatan baru. Pemikiran keusahawanan ini berkait rapat dengan pendapat oleh Schumpeter (1934) dalam konsep "kemusnahan kreatif" dan Drucker (1994, 2005). Yang mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang sentiasa mencari perubahan, bertindak balas terhadapnya dan mengeksploitasi peluang yang ada. Dapatan ini turut disokong oleh Kuratko dan Hodgetts (2004), Timmons (2004), Hisrich et al. (2005), Nor Aishah (2006) dan Mitchell et al. 2008).

Seterusnya kajian ini mendapati bahawa usahawan yang ditemu bual mempunyai kesediaan daripada aspek kemahiran vokasional dan pengetahuan keusahawanan dalam bidang yang diceburinya dan kebolehan menguruskan perniagaan serta menguasai kemahiran kefungsiian seperti pemasaran. Pengetahuan keusahawanan dan kemahiran vokasional keusahawanan yang diperlukan oleh usahawan bagi menjalankan aktiviti perniagaan adalah merupakan kebolehan keusahawanan (Binks et al. 2006) yang amnya diterangkan dalam buku teks dan silibus kursus keusahawanan. Covey (1996) mengulas bahawa aspek pengetahuan dan kemahiran apabila digabungkan dengan aspek kemahuan akan berupaya membentuk satu gelagat yang berkesan. Oleh demikian, usahawan sentiasa berusaha mempelajari sesuatu, sama ada melalui pengalaman (Mohd Salleh 1992; Henry et al. 2003) atau pembelajaran formal bagi membantu mereka membina gelagat keusahawanan. Model pendidikan keusahawanan oleh Ashmore (1990), Mohd Salleh (2002) dan Wyckham (1990) turut menyokong dapatan ini.

KESIMPULAN

Kertas ini telah membincangkan tentang satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes. Hasil daripada kajian ini ialah satu taksonomi kesediaan keusahawanan yang mengandungi tiga elemen penting iaitu kemahuan, kebolehan dan persekitaran yang membenarkan penubuhan usaha teroka perniagaan. Taksonomi konsep kesediaan keusahawanan ini boleh digunakan untuk mengenal pasti kesediaan seseorang bagi menceburkan diri dalam aktiviti

keusahawanan. Walau bagaimanapun hasil kajian ini adalah terbatas kepada konteks Malaysia. Ia juga boleh dijadikan asas untuk kajian selanjutnya dalam bidang keusahawanan. Adalah dicadangkan agar kajian selanjutnya mengambil kira usahawan dalam kalangan etnik yang berlainan dalam masyarakat Malaysia untuk dijadikan perbandingan.

RUJUKAN

- Adnan, A. & Mohamad Dahlan, I. 2002. *Keusahawanan di Malaysia: Keusahawanan Islam*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. 1980. *Understanding attitudes and predicting social behavior*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Bandura, A. 1994. *Self-Efficacy*. Dlm *encyclopedia of human behavior*. Jil. Vol. 4. Orlando: Academic Press.
- Bygrave, W. D. & Zacharakis, A. 2004. *The portable MBA in entrepreneurship*. 3. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L. & Sekaran, U. 2001. *Applied business research: Qualitative and quantitative methods*. Milton, Queensland: John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Cresswell, J. W. & Clark, V. L. P. 2007. *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Dana, L. 2001. The education and training of entrepreneurs in Asia. *Education & Training*. 43(8/9): 405-416.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. 1975. *Brief attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Gibb, A. 1996. Do we really teach (approach) small business the way we should? Dlm. Low Aik Meng & Tan wee Liang (pnyt.). *Entrepreneurs, entrepreneurship and enterprising culture* (hlm. 113-132). Singapore: Addison-Wesley Publishing Company.
- Henry, C., Hill, F. & Leitch, C. 2003. *Entrepreneurship Education and Training*. Aldershot: Ashgate.
- Hjorth, D. & Steyaert, C. 2004. *Narrative and discursive approaches in entrepreneurship*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan bersepadu penjana kecemerlangan pendidikan*.
- Kuratko, D. F. & Hodgetts, R. M. 2004. *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. 6. Ohio: South Western.
- Lobler, H. 2006. Learning entrepreneurship from a constructivist perspective. *Technology Analysis & Strategic Management*. 18(1): 19-38.
- Malaysia. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga 2001-2010*.
- Malaysia. 2004a. *Laporan kajian separuh penggal rancangan Malaysia kelapan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Malaysia. 2004b. *Laporan Ekonomi 2004/2005 Kementerian Kewangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*.

- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1984. *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods*. Newbury Park: Sage Publications, Inc.
- Mitchell, R. K., Bailey, A. & Mitchell, J. R. 2008. Entrepreneurship, thinking, and economic self-reliance. *ESR Review*. 10(1): 8-13.
- Mohd Salleh, D. 1992. The development of entrepreneurship and enterprise in higher education in Malaysia. Tesis Tesis PhD. University of Durham.
- Mohd Salleh Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad, Habshah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, Lily Julienti Abu Bakar & Mohamad Nasri Md Hussain. 2005. *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Morris, M. S., Lewis, P. & Sexton, D. S. 1997. Reconceptualizing Entrepreneurship: An input-output perspective. *SAM Advanced management journal*. 55(1): 21-31.
- Nandram, S. S. & Samson, K. J. 2006. *The spirit of entrepreneurship*. Heidelberg: Springer.
- Nik Mohamed, A. N. Y. 2002. *Islam & Business*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Nor Aishah Buang. 2002. *Asas keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nor Aishah Buang et al. 2005. Hubungkait pendidikan universiti dengan tingkah laku kerjaya keusahawanan siswazah ke arah pembangunan pendidikan keusahawanan yang berkesan. Deraf Laporan akhir projek penyelidikan UKM.
- Norashidah Hashim, NorAishah Buang & Norasmah Othman. 2008, 27-29 March 2008. Conceptualizing entrepreneurial readiness for Malaysian higher learning institution. *The 2008 International Joint Conference on e-Commerce, e-Administration, e-Society, and e-Education*.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah. Tesis Tesis. Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Othman, Hajjah Halimah Harun, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Noraishah Buang. 2006. Pembentukan indeks tingkah laku keusahawanan golongan remaja Malaysia. Laporan akhir projek IRPA No. 07-02-02-0036 EA279
- Pragg, C. M. V. & Ophem, H. V. 1995. Determinants of willingness and opportunity to starts as an entrepreneur. Dlm. P. Westhead & M. Wright (pnyt.). *Advances in entrepreneurship* (Vol. II, hlm. 69-95).
- Richards, L. 2005. *Handling qualitative data a practical guide*. London: Sage Publications.
- Rusinah, J. & Maimunah, I. 1998. The profile and value systems of women entrepreneurs. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shukor Omar. 2003. *The Malay lost world with emphasis on entrepreneurship*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- Stokes, D. & Wilson, N. 2006. *Small business management and entrepreneurship*. Ed. ke-5. London: Thomson Learning.
- Strauss, A. & Corbin, J. 1998. *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* Thousand Oak Sage Publications.
- Syed Mohd Ghazali Wafa, S. A. W., Muhammad Nasri Hj. Md. Hussain & Mohd. Hizam Hanafiah. 2003. *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Wiersma, W. 2005. *Research methods in education: An introduction*. Edisi ke-6. Massachusetts: Allyn and Bacon.

Yin, R. K. 1994. *Case study research: design and method*. Thousand Oak, California: Sage Publications, Inc.

Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun. 2003. *Menjadi usahawan*. Bentong, Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Norasmah Othman

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

Selangor Darul Ehsan